



**KENYATAAN MEDIA**

**KUALA LUMPUR (3 OKTOBER 2020)** - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) amat berdukacita dengan pemergian salah seorang sekutu kuatnya dalam mendorong pembaharuan hak asasi manusia yang perlu di negara ini, YB Datuk Liew Vui Keong, yang merupakan mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Hal Ehwal Parlimen).

Beliau amat komited dalam merealisasikan hak asasi manusia untuk semua dengan mendorong pelbagai pembaharuan undang-undang, termasuk, antara lain, pemansuhan hukuman mati mandatori, pengenalan undang-undang baru mengenai hak kepada maklumat dan penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC). Dalam hal ini, ia merupakan satu penghormatan buat SUHAKAM kerana dapat bekerjasama rapat dengan beliau dalam perkara - perkara yang dinyatakan di atas.

Beliau juga menyedari akan perlunya kesedaran hak asasi manusia terutamanya di Parlimen. Pada tahun 2019, beliau telah merealisasikan harapan SUHAKAM selama 20 tahun agar laporan tahunannya dibahaskan di Parlimen. Laporan Tahunan SUHAKAM 2018 telah dibahaskan di Parlimen pada 5 Disember 2019 buat pertama kali sejak 1999 dan ini merupakan satu kejayaan besar dalam usaha berterusan SUHAKAM untuk mengetengahkan isu-isu hak asasi manusia yang mendesak di negara ini.

SUHAKAM merakamkan ucapan takziah kepada keluarga dan orang tersayang beliau. Pada masa yang sama, SUHAKAM turut menekankan semula komitmennya untuk terus mendorong pembaharuan hak asasi manusia yang dimulakan oleh beliau.

**-TAMAT-**

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**

**3 Oktober 2020**

*Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau [shikin@suhakam.org.my](mailto:shikin@suhakam.org.my)*